

01 NOV 2002

MESYUARAT MB DAN KM BINCANG USAHA KUKUH SISTEM PENDIDIKAN

PUTRAJAYA, 1 Nov (Bernama) -- Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-87 yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membincangkan usaha untuk mengukuhkan semula sistem pendidikan sekolah kebangsaan sebagai tulang belakang pendidikan nasional.

Mesyuarat yang diadakan di Pejabat Perdana Menteri di sini bersetuju bahawa antara usaha ke arah itu ialah dengan menjadikan sekolah kebangsaan lebih menarik untuk semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa.

"Turut dibincangkan ialah cara mengembangkan program satu industri satu daerah dengan melibatkan lebih banyak produk," kata kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri selepas selesai mesyuarat berkenaan.

Program satu industri satu daerah itu adalah lebih luas konsepnya daripada program sebelum ini iaitu satu produk satu kampung.

"Selain itu, mesyuarat tersebut turut memutuskan untuk mengadakan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri lebih kerap iaitu setiap enam minggu sekali," tambah kenyataan itu.

Mesyuarat hari ini dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Menteri Besar Kelantan dan Terengganu. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet.

Kenyataan itu menambah mesyuarat itu akan disambung pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

-- BERNAMA

AT AT HM